

# Keindahan Bahasa Membimbing Mata

Mohd Asri Zainul Abidin  
Mufti Negeri Perlis

**K**eindahan dan kecantikan merupakan perkara yang disukai oleh fitrah insan. Insan yang waras jiwa dan nuraninya dengan mudah akan tertarik dengan keindahan dan kecantikan. Hal tersebut tidak perlu diajar atau diberitahu kepada sesiapa pun kerana sifat tersebut diciptakan oleh Allah SWT dalam diri setiap insan. Sifat ini seperti perasaan kasih seorang ibu kepada anaknya yang tidak perlu diajarkan kepada seorang ibu. Jika ada ibu yang menzalimi dan kejam terhadap anaknya, dia seorang ibu yang telah songsang fitrahnya. Demikianlah keindahan dan kecantikan. Jika ada insan yang tidak tertarik dan tidak suka akan kecantikan dan keindahan, maka dia seorang yang songsang fitrahnya.

## Allah itu cantik

Dalam ajaran Islam, Allah SWT ialah Tuhan Yang Maha Cantik dan Indah. Dia pula menyukai kecantikan dan keindahan. Sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah itu cantik dan menyukai kecantikan". (Hadis riwayat Muslim). Dalam hadis ini, digunakan perkataan *jamil* dan *jamal*, yang bermaksud cantik dan kecantikan, atau indah dan keindahan.

Tuhan Yang Maha Cantik itu juga berfirman yang bermaksud, "Sesungguhnya Kami telah menciptakan insan dalam sebaik-baik bentuk". (*Surah al-Tin* 95:4).

Manusia merupakan ciptaan Allah SWT yang sebaik-baiknya. Mencintai

keindahan atau kecantikan itu sudah pasti satu ciri yang baik kerana sifat itu merupakan sifat Tuhan. Sudah pasti makhluk yang terbaik ini dibekalkan dengan fitrahnya yang mencintai keindahan dan kecantikan. Lantaran itu, kita sentiasa menyaksikan setiap insan berlumba-lumba untuk menikmati kecantikan dan keindahan dalam kehidupan mereka.

## Mata dan bahasa

Antara tanda kebesaran Allah SWT termasuklah penciptaan alam yang penuh keindahan. Gabungan pelbagai bentuk, warna, tabiat, sifat dan fungsi menjadikan susunan alam begitu cantik dan indah. Allah SWT menghiasi langit dan bumi dengan keindahan. Keindahan itu dapat dilihat oleh mata dan diukir dengan bahasa. Walau bagaimanapun, melihat sudah pasti tidak sama dengan mendengar, manakala mendengar tidak sama dengan melihat. Kedua-dua deria itu mempunyai kekuatan tersendiri untuk memberikan *zaug* atau rasa berhubung dengan keindahan atau kecantikan. Oleh itu, alam yang indah ciptaan Allah SWT ini dijadikan sebagai tanda-tanda (*ayat*) yang disaksikan dengan mata, kemudian diiringi al-Quran sebagai tanda-tanda yang dirasai oleh jiwa. Allah SWT tidak hanya menciptakan alam yang indah sebagai bukti atau tanda-tanda yang dapat dilihat (*manzurah*), bahkan Allah SWT juga menggambarkan keindahan itu dalam ayat-ayat yang dibaca (*maqrū'ah*). Ayat-ayat seperti itu sangat banyak dinyatakan dalam al-Quran. Antaranya termasuklah firman Allah SWT yang bermaksud, "Dan demi sesungguhnya Kami telah menghiasi langit dengan lampu-lampu (bintang-bintang)". (*Surah al-Mulk* 67:5).

Allah SWT melalui beberapa ayat dalam al-Quran memberitahu bahawa Dia menghiasi langit. Pastinya, hiasan untuk dilihat oleh mata. Nikmat melihat tidak sama dengan nikmat mendengar. Jika digabungkan, maka bertambahlah kekuatannya.

Sementara itu, keindahan yang dilihat oleh mata kadangkala gagal untuk mengetuk pintu akal dan jiwa insan melainkan setelah dinukilkan dalam bahasa yang tersusun indah. Maka itu, al-Quran dengan keindahan bahasa Arab mengajak manusia merenung keindahan dan kecantikan yang dilihat oleh mata agar meresap ke dalam jiwa. Sering berlaku, keindahan alam dan iktibarnya hanya dapat dikesan oleh mata setelah diingatkan dalam susunan kata dan bahasa. Oleh hal yang demikian, al-Quran menyuruh manusia memikirkan setiap yang dilihat oleh mata.

Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa-apa yang berguna bagi manusia, dan apa-apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia menghidupkan bumi sesudah matinya (keringnya); dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis haiwan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dengan bumi; benar-benar itu tanda-tanda bagi kaum yang memikirkan". (*Surah al-Baqarah* 2:164).

## Peranan bahasa

Demikian peranan keindahan bahasa, iaitu mengajak minda bergerak dan tersentuh dengan setiap yang disaksikan oleh mata. Bahasa yang indah sangat berperanan untuk menghidupkan akal dan jiwa. Tidak semestinya semua insan yang dapat melihat dapat merasai makna di sebalik apa-apa yang dilihat. Maka itu, kita tahu peranan ahli bahasa dan sastera dalam mengungkapkan dan membangkitkan kesedaran agar manusia mengambil iktibar tentang apa-apa yang mereka saksikan. Tidak berpada sekadar membiarkan manusia bergantung pada mata tanpa diketuk oleh bahasa yang berkesan. Susunan kata sasterawan dan pujangga mampu menyedarkan manusia apa-apa yang mereka lupa atau terlena daripada memikirkannya.

Dengan itu, mengupayakan kekuatan bahasa dalam kalangan rakyat merupakan langkah yang penting untuk memastikan kewarasan atau membangkitkan kesedaran bagi menilai sesuatu perkara. Masyarakat yang lemah upaya untuk merasai nikmat bahasa akan menjadi masyarakat yang keras jiwa dan kontang perasaan. Al-Quran hadir pada zaman jahiliah yang penuh dengan kebobrokan hidup. Namun begitu, dek kekuatan dan keupayaan menghayati bahasa Arab yang dimiliki oleh mereka, banyak dalam kalangan mereka menerima Islam kerana tersentuh dengan keindahan bahasa al-Quran.

Sememangnya, usaha menjadikan suatu masyarakat itu berupaya memahami dan menghayati keindahan bahasa merupakan usaha untuk mendekatkan manusia dengan fitrah asal mereka yang mencintai kecantikan dan keindahan. Oleh hal yang demikian, jika mereka dibimbing, pasti mereka menemui keindahan Tuhan. 